



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PERDANA MENTERI MELANCARKAN SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA  
SEDUNIA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN SERTA DASAR KEBOMBAAN DAN  
PENYELAMATAN NEGARA (DKPN 2021-2030)**



**Pada 22 Mei 2022** – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2022 (SHAB 2022) bertempat di Perkarangan Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang petang ini. Majlis dihadiri oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan YAS Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Haji Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Hari Anggota Bomba Sedunia disambut di seluruh Malaysia pada 4 Mei setiap tahun dan sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini disambut dengan bertemakan “Bomba Frontliners Keluarga Malaysia”. Majlis sambutan ini bertujuan menzahirkan penghargaan di atas komitmen dan dedikasi anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang merupakan barisan hadapan negara bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia.



Pada majlis ini, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN 2021-2030) yang dibangunkan selari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030). Dasar yang dibangunkan

ini meliputi teras, strategi, dan pelaksanaan program bersepadu serta holistik dalam membangunkan kefahaman, kesedaran serta pembudayaan keselamatan awam yang berkesan.

Menerusi dasar ini, YAB Perdana Menteri optimis negara akan dapat melahirkan Keluarga Malaysia yang berdaya tahan (resilience community) serta mampu mengadaptasi konsep penyelamat rakyat (citizen life saver) dalam kehidupan seharian terutama ketika berdepan sebarang situasi kecemasan atau bencana.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, "KPKT sentiasa memberikan komitmen tinggi untuk memperkukuh kapasiti serta keupayaan pasukan bomba sama ada dari aspek dasar, aset dan jentera mahupun kebajikan para 'Wira Merah'. Komitmen mereka terhadap tugas sungguh luar biasa kerana sentiasa mendahulukan kepentingan orang lain berbanding diri sendiri." Tambah beliau, "Justeru, SHAB 2022 pada kali ini disambut bersama-sama rakyat bagi menzahirkan betapa rapatnya hubungan bomba dengan masyarakat."

SHAB 2022 yang berlangsung selama dua hari bermula 21 hingga 22 Mei 2022 juga menerima sambutan baik daripada orang ramai yang turut hadir bagi menyaksikan pelbagai aktiviti menarik. Acara sambutan pada kali ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan deklamasi sajak, pantomim, pertunjukan pesawat Agusta AW109 dan pameran kebombaan.

Majlis ini turut menampilkan pertunjukan tato kebombaan diikuti perarakan perbarisan kontinjen-kontinjen dan jentera-jentera kebombaan. Perarakan perbarisan kali ini melibatkan seramai 1,795 orang yang terdiri daripada 32 kontinjen JBPM dan agensi jemputan termasuk Frontliners Keluarga



Malaysia yang disertai oleh JBPM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan 71 buah jentera dan kenderaan kebombaan.

Selaras dengan aspirasi negara, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terus komited dan sentiasa bersiap siaga untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan penyelamatan dan kecemasan dengan memperluaskan jangkauan perkhidmatan yang lebih berkesan, selari dengan norma serta kehendak Keluarga Malaysia.

